

# Joseph cadang tubuh parti baru — Jeffrey

UM 1 1 FEB 2002

Oleh NAZERI NONG SAMAH

**K**OTA KINABALU 10 Feb. — Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Datuk Dr. Jeffrey Kitingan mendakwa Presiden PBRS, Tan Sri Joseph Kurup bercadang untuk menubuhkan parti baru ekoran krisis perebutan pucuk pimpinan parti ini.

Beliau mendakwa, ada ura-ura Kurup ingin mendaftarkan parti baru berdasarkan keenggannya untuk berkompromi bagi menyelesaikan krisis PBRS tersebut yang berlarutan sejak 29 Januari lalu.

“Hingga kini saya dapati beliau (Kurup) masih belum bersedia untuk berkompromi bagi menyelesaikan krisis pucuk pimpinan Presiden PBRS,” katanya kepada pemberita di kediamannya di sini hari ini.

PBRS kini berhadapan dengan konflik mempunyai dua orang tokoh yang masing-masing mendakwa sebagai Presiden PBRS iaitu Kurup dan Dr. Jeffrey hasil pemilihan berasingan dalam Kongres Ke-7 PBRS itu pada 28 hingga 30 Januari lalu.

Dr. Jeffrey dipilih sebagai Presiden PBRS oleh perwakilan yang

sah pada 29 Januari dan Kurup pula dipilih pada keesokan harinya menerusi kongres parti itu di Hotel Magellan Sutera, di sini.

Ekoran itu juga Dr. Jeffrey dan Kurup telah menyediakan pejabat masing-masing mengakibatkan PBRS kini mempunyai dua ibu pejabat parti di Kompleks Asia City, Kota Kinabalu.

Dr. Jeffrey menambah, beliau mendapat laporan bahawa Kurup juga pernah mengadakan pertemuan dengan pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) sebelum Kongres Ke-7 PBRS itu bermula.

“Saya ada dengar mengenai cerita itu (pertemuan Kurup dengan pemimpin PBS), tetapi kurang pasti sama ada benar atau hanya khabar angin sahaja,” katanya.

Dr. Jeffrey berkata, beliau juga telah ditemui oleh tujuh orang ahli Majlis Tertinggi (MT) PBRS yang berkecuali diketuai oleh Datuk Louis Rampas sebagai orang tengah ekoran krisis puncak pimpinan parti tersebut.

Kesemua tujuh ahli MT PBRS yang berkecuali itu terdiri daripada dua bekas pengasas PBRS iaitu Datuk Laimun Laikim dan Datuk James A. Vitales bersama lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PBRS seperti Datuk

Luois Rampas (Kiulu), Johnny Goh (Inanam), Atong Magabis (Matunggong), Edward Linggu (Tamparuli) dan Karim Adam (Kundasang).

Louis dikatakan telah mengambil jalan tengah bagi berusaha untuk memujuk Kurup dan Dr. Jeffrey ke meja perundingan demi menyelamatkan masa depan PBRS.

“Saya telah menyampaikan pesanan melalui kesemua tujuh pemimpin yang berkecuali itu bahawa saya bersedia untuk menemui Kurup bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah PBRS sekarang,” katanya.

Dr. Jeffrey berkata, kesemua tujuh pemimpin yang berkecuali itu juga memberitahu bahawa mereka sudah menyampaikan mesej yang sama untuk menyelesaikan masalah perebutan Presiden PBRS kepada Kurup kelmarin.

“Bagaimanapun saya masih belum mendapat sebarang herita selanjutnya daripada ketujuh-tujuh pemimpin itu yang juga telah menemui Kurup bagi tujuan penyelesaian,” katanya.

Dr. Jeffrey juga mendakwa, Kurup telah meminta ketujuh-tujuh pemimpin itu menandatangani dokumen tetapi tidak memberitahu isi kandungannya.

Jumaat lalu Kurup pada sidang akhbar berkata, beliau hanya menyerahkan nasib PBRS kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS).

“Kami akan akur kepada apa sahaja keputusan yang diambil oleh ROS terhadap masalah PBRS sekarang,” kata Kurup.

Sebelum ini Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ulasannya berkata, konflik yang dialami oleh pucuk pimpinan PBRS itu jika tidak dapat diselesaikan oleh pemimpin terbabit pasti terdedah kepada tindakan pembubaran oleh ROS.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, setakat ini BN belum mengiktiraf Kurup atau Dr. Jeffrey sebagai Presiden PBRS yang sah selagi masalah pucuk pimpinan parti itu tidak diselesaikan.

Sementara itu Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat menasihatkan kepada Kurup dan Dr. Jeffrey supaya mencari jalan penyelesaian segera bagi menyelamatkan masa depan PBRS sebelum Dr. Mahathir pulang bercuti dari luar negara pada hujung bulan ini.